

Suara KOPERASI



Edisi Januari - Jun 2023

KHAS UNTUK ANGGOTA KOPERASI TENTERA

03

EKSKLUSIF BERSAMA
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
KOPERASI TENTERA

20

23

16

MAJLIS BERBUKA PUASA
DI STAY ATM



banyak



11

MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN YANG KE-57

ASPIRASI KT

“Menjadi institusi kewangan digital
yang disegani menjelang tahun 2030”

PEMBIAYAAN TAKAFUL & CUKAI JALAN

Maksimum RM3,000

Diskaun sebanyak
10%
bagi Takaful
Kenderaan

Tempoh bayaran sehingga
10 bulan

Kadar Keuntungan
6.50%



Mohon Sekarang

Kunjungi cawangan Koperasi Tentera berdekatan anda

MENARIK DI DALAM KANDUNGAN

03

**Eksklusif Bersama
Pengerusi KT**

07

ANUGERAH
KOPERASI PREMIER

09

KUNJUNGAN HORMAT KT
KEPADA KETUA PENGARAH
KOR AGAMA ANGKATAN
TENTERA (KAGAT)

11

MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN KE-57

13

SUMBANGAN ZAKAT KT
KEPADA TABUNG ZAKAT ATM

14

LAWATAN KUNJUNG HORMAT
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
(IKM)

15

MAJLIS SUMBANGAN HARI RAYA
KT AGIH BUBUR LAMBUK
MAJLIS BERBUKA PUASA DI
STAY ATM

17

PROGRAM TABUNG IHYA
RAMADAN

18

KT MENYANTUNI WARGA 92
PUSAT TAHAPAN ANGKATAN
TENTERA (92PTAT)

19

MAJLIS SUMBANGAN CEK

21

KUNJUNG HORMAT KT KEPADA
MENTERI PERTAHANAN,
PANGlima ANGKATAN TENTERA
& PANGlima TENTERA LAUT

Taklimat &
Ceramah KT

23

Pampasan STBATM

26

NOTA EDITOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera buat semua pembaca budiman sekalian.

Alhamdulillah, bertemu kembali dalam lembaran Suara Koperasi, saluran informasi bagi anggota Koperasi Tentera (KT).

Pada edisi Januari - Jun 2023 ini, sidang redaksi menyajikan pelbagai maklumat dan perkembangan semasa KT khusus untuk tatapan pembaca budiman sekalian.

Antara kandungan menarik menanti para pembaca ialah ruangan 'Eksklusif Bersama Pengerusi KT' iaitu Brig Jen Robal Rahmat, di mana beliau berkongsi mengenai situasi terkini KT serta strategi dan daya saing koperasi dalam menongkah arus pendigitalan.

Turut dimuatkan dalam keluaran kali ini adalah berita korporat KT seperti Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Tentera Ke-57, Anugerah Koperasi Premier serta banyak lagi.

Semoga dengan paparan dan informasi terkini yang disajikan dapat memberikan maklumat kepada para pembaca khususnya anggota KT mengenai perkembangan terkini organisasi.

Akhir kata, semoga penerbitan Suara Koperasi ini dapat menjadi platform perkongsian untuk menyalurkan maklumat serta perkembangan semasa KT kepada para pembaca sekalian.

Salam hormat dan wassalam.

Penaung
Mohd Ghazali bin Abbas

Ketua Pengarang
Sharifah Sheikhun binti Syed Abu Bakar

Pengarang Bersama
Nurul Khairul Atiqah binti Rashidi
Ummu Syafiqah binti Mohd Rashidi

Pembantu Penerbitan
Nurhayati binti Othman
Dellia binti Mustapha
Niur Nabillah binti Mohd Rusul
Muhammad Syazwan bin Abd Rahim

Reka Letak
Ain Shafiqah Sofya Binti Sapie

Fotografi
Unit Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam

Diterbitkan oleh:
Koperasi Tentera
Wisma Koperasi Tentera
No 1, Jalan 2/65C
Off Jalan Pahang Barat
53000 Kuala Lumpur

Sidang Editorial SUARA KOPERASI amat mengalu-alukan sumbangan yang bernas berbentuk artikel atau cadangan untuk keluaran akan datang.

Sila hantarkan bahan tersebut kepada:
Unit Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam
(Terbitan SUARA KOPERASI)
Wisma Koperasi Tentera
No 1, Jalan 2/65C
Off Jalan Pahang Barat
53000 Kuala Lumpur

EKSKLUSIF BERSAMA PENGERUSI KOPERASI TENTERA BRIG JEN ROBAI' BIN RAHMAT

Tuan telah dilantik sebagai Pengerusi KT yang baharu pada 26 Jun 2022. Sepanjang tempoh menjadi Pengerusi KT, apakah pandangan Tuan mengenai organisasi ini?

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi atas peluang, kepercayaan dan amanah yang diberikan kepada saya untuk mengetuai kepimpinan Anggota Lembaga Koperasi sebagai Pengerusi pada 26 Jun 2022 sehingga kini. Bagi saya, ini merupakan pencapaian dan pengalaman yang luar biasa buat saya setelah 40 tahun menjadi ahli KT.

Pada pandangan saya, KT merupakan sebuah organisasi yang sangat eksklusif kerana matlamat penubuhannya adalah untuk memenuhi keperluan kewangan serta kebajikan anggota tentera. Justeru, saya yakin KT akan terus kukuh dari aspek pengurusan kewangan dan pencapaian dengan adanya sokongan yang berterusan daripada anggota.

Sejak 63 tahun penubuhannya, KT telah berjaya merangkul beberapa pencapaian yang membanggakan serta telah menjadi top 3 koperasi premier di Malaysia. Kini, dengan anugerah dan kejayaan yang telah dikecapi, tidak dinafikan KT merupakan antara koperasi yang terbaik di Malaysia. Sehubungan itu, saya percaya dan yakin dengan komitmen serta strategi yang telah disusun oleh pihak pengurusan koperasi akan terus cemerlang di masa hadapan seiring dengan objektif organisasi untuk menjaga kepentingan dan kebajikan anggota.



BIODATA PENGERUSI KOPERASI TENTERA

Brigedier Jeneral Robai' bin Rahmat mempunyai lebih 39 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan dan ketenteraan. Beliau merupakan graduan Sarjana Pengurusan Strategik dan Pertahanan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2014. Beliau pernah terlibat sebagai pemerhati Tentera di Mindanao pada tahun 2004/2005 dan Timor Leste pada tahun 2006. Beliau juga pernah memegang beberapa jawatan penting sepanjang penglibatan beliau dalam bidang ketenteraan, antaranya ialah sebagai Staf Kewangan di Cawangan Perancangan dan Pembangunan TD pada 13 Januari 2015.

Beliau telah dinaikkan pangkat ke Kolonel pada 04 April 2016 dan memegang jawatan Timbalan Pengarah di Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera. Seterusnya beliau telah diberi kepercayaan oleh pucuk pimpinan Tentera Darat untuk meniat Tawatan sebagai Pengarah Tenaga Kerja yang ke-19 bermula pada 26 Mac 2020 hingga kini. Beliau melibatkan diri secara aktif di Koperasi Tentera apabila beliau dilantik menjadi Pengerusi Koperasi Tentera pada 26 Jun 2022.

Apakah peranan yang perlu dijalankan oleh setiap Anggota Lembaga KT dalam memastikan Koperasi Tentera terus kekal relevan?

Seperti yang kita semua sedia maklum, pemilihan Anggota Lembaga Koperasi dijalankan secara demokrasi setiap tahun, di mana anggota koperasi sendiri telah diberikan mandat dan peluang untuk memilih barisan kepimpinan KT. Justeru, peranan Anggota Lembaga KT amatlah penting dalam memastikan KT kekal relevan.

Menurut saya, setiap ALK yang dipilih oleh perkhidmatan atau anggota perlulah bertanggungjawab menggalas tugas yang telah diamanahkan dalam memastikan kebajikan mereka sentiasa diberi keutamaan. Kita telah dipilih, maka kita seharusnya berusaha sehabis baik untuk memenuhi harapan dan jangkaan anggota terhadap barisan kepimpinan ini. Sebagai contoh, Anggota Lembaga perlu memastikan KT ditadbir dengan baik sesuai dengan objektif serta matlamat penubuhan KT.

Anggota Lembaga juga berperanan sebagai pengantara antara organisasi dan anggota KT. Pengantara merupakan peranan yang penting dalam konteks ini kerana Anggota Lembaga merupakan penghubung dan sumber idea bagi segala penambahbaikan melibatkan kebajikan anggota yang akan dilaksanakan oleh pengurusan KT. Saya percaya, bahawa inilah yang harus sentiasa dipraktikkan oleh Anggota Lembaga KT dengan dibantu oleh tim pengurusan yang cekap.

Di samping itu juga, peranan Anggota Lembaga adalah untuk menjadi *check and balance* kepada sebarang tindakan yang akan diambil oleh pihak pengurusan dalam memastikan KT sentiasa berada di tahap yang membanggakan. ALK perlu sentiasa menasihati dan memberikan pandangan kepada pengurusan agar urusan pentadbiran dan operasi berjalan dengan lancar. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab anggota untuk memilih Anggota Lembaga Koperasi yang mempunyai kebolehan, berpengetahuan serta berintegriti yang sentiasa menjaga kepentingan anggota dalam apa jua keputusan yang diambil.

“Sejak 63 tahun

penubuhannya, KT telah berjaya merangkul beberapa pencapaian yang membanggakan serta telah menjadi top 3 koperasi premier di Malaysia. Kini, dengan anugerah dan kejayaan yang telah dikecapi, tidak dinafikan KT merupakan antara koperasi yang terbaik di Malaysia.

— Brig Jen Robai' bin Rahmat
Pengerusi Koperasi Tentera

“adalah menjadi tanggungjawab anggota untuk memilih Anggota Lembaga Koperasi yang mempunyai kebolehan”

Pada tahun ini, bank negara telah mengeluarkan kenyataan mengenai kelembapan ekonomi. Apakah pelan dan strategi yang bakal diatur KT pada masa kini dan hadapan untuk memastikan KT terus berdiri teguh?

Sebenarnya, kita telah melalui kesukaran ini sejak tahun 2020 iaitu apabila badai COVID-19 melanda negara dan telah menyebabkan berlakunya kelembapan ekonomi di serata dunia. Namun demikian, KT telah berjaya menempuh rintangan ini dengan menunjukkan prestasi yang baik saban tahun sekaligus membuat anjakan paradigma dalam memastikan KT terus kekal relevan demi anggotanya. Peningkatan demi peningkatan yang telah dibuktikan adalah berdasarkan pelan dan strategi Anggota Lembaga Koperasi dan Barisan Pengurusan untuk memastikan kebajikan anggota terjamin serta dapat memberikan pulangan yang terbaik.

Pada pendapat saya, kita perlu bergerak seiring dengan situasi ekonomi semasa, tidak boleh terlalu kehadapan dan tidak boleh ketinggalan untuk terus maju dalam industri ini. Sehubungan itu, kini KT sedang dalam usaha untuk membangunkan pelan strategik yang mampan bagi memenuhi keperluan anggota dan pelanggan demi menentukan daya saing KT di masa akan datang. Justeru, KT bakal memperkenalkan beberapa produk dan perkhidmatan baharu seperti peSARA-i, Pembiayaan Melebihi Tarikh Tamat Perkhidmatan (TTP) dan Akaun Pelaburan Emas Digital. Alhamdulillah, KT telah mendapat kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi menawarkan pembiayaan runcit kepada orang awam dalam usaha untuk meneruskan misi memberikan pulangan terbaik kepada anggota. Selain itu, KT juga dalam usaha mengoptimumkan penggunaan teknologi digital dan ianya telah dilestarikan melalui beberapa inisiatif iaitu perkhidmatan menggunakan perbankan internet, hebahan dan makluman melalui media sosial dan sebagainya. KT telah memulakan perjalanan pendigitalan ini sejak tahun 2021 bagi memacu aspirasi digital menjelang tahun 2030 dalam membina dan menambah baik saluran capaian anggota terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.

Terbaharu, KT telah memperkenalkan pembiayaan EzyCash-i dalam talian kepada para anggota. Kini dengan kemudahan ini anggota hanya perlu membuat permohonan secara dalam talian dan wang akan terus dikreditkan ke dalam akaun peribadi mereka. Pendigitalan ini bukan sekadar memudahkan dan memendekkan masa pemrosesan malah ianya juga bertujuan menambah baik pengalaman pelanggan bagi setiap anggota yang berurusan dengan KT.

Berpegang kepada kecekapan dan kebijaksanaan pengurusan, saya yakin serta percaya KT mampu untuk mendepani segala cabaran yang mendatang demi memenuhi matlamat memberikan perkhidmatan yang terbaik buat anggotanya.

Mengakhiri sesi temu bual kita pada hari ini, boleh Tuan kongsi pesan dan saranan Tuan kepada anggota yang masih setia sehingga ke hari ini?

Di kesempatan ini, saya ingin menyeru semua anggota untuk sentiasa menyokong KT agar dapat terus kekal teguh dan dapat memberikan perkhidmatan serta pulangan kepada anggota. Pelbagai inisiatif menarik yang sedang dirancang sehingga kini dan saya percaya akan memberikan manfaat kepada anda semua sama ada yang masih berkhidmat atau sudah bersara. KT bukan hanya menawarkan produk pembiayaan kepada anggota mahupun syarikat-syarikat di luar sana, malah produk-produk insurans seperti insurans kenderaan yang sangat kompetitif di pasaran semasa. Justeru, saya berharap para anggota akan terus menyokong dan menggunakan perkhidmatan KT agar ianya kekal menjadi koperasi terunggul di Malaysia.



KT bakal memperkenalkan beberapa produk dan perkhidmatan baharu seperti peSARA-i, Pembiayaan Melebihi Tarikh Tamat Perkhidmatan (TTP) dan Akaun Pelaburan Emas Digital.

*Brig Jen Robai' Rahmat
Pengerusi KT*



KOPERASI TENTERA TERIMA ANUGERAH KOPERASI PREMIER

9 Mac 2023 – Koperasi Tentera (KT) telah menerima Anugerah Koperasi Premier 2022 pada Majlis Apresiasi Koperasi Terbaik Tahun 2022 Wilayah Persekutuan bertempat di Hotel Courtyard by Marriot, Setia Alam. Penganugerahan ini merupakan pengiktirafan kali ketiga berturut-turut Koperasi Tentera telah dinobatkan sebagai Koperasi Premier sejak tahun 2020.

YBhg Brig Jen Roba'i Rahmat, Pengerusi KT diiringi oleh YBrs En Mohd Ghazali Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif telah menerima anugerah ini daripada YBrs Pn Siti Azlin binti Ahmad Dauta, Naib Pengerusi Eksekutif Operasi dan Kawal Selia Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Diharapkan anggota KT akan sentiasa memberikan sokongan agar KT terus maju dan cemerlang di masa hadapan.

Turut berlangsung pada majlis yang sama ialah Program Real Estate Invest Day dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman bagi Pembangunan Hotel Fairfield By Marriott di Langkawi di antara KOOP Sahabat dan Marriott International.



KUNJUNGAN HORMAT KOPERASI TENTERA KEPADA KETUA PENGARAH KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA (KAGAT)



11 Januari 2023 - Koperasi Tentera (KT) telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Rashidi bin Bujai, Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) yang diketuai oleh YBr Lt Kol Ismail bin Ali (B), Ketua Operasi Sokongan KT diiringi oleh YBr Lt Kol Mohd Sharel Ya Rahim (B), Ketua Unit Keanggotaan.

Kunjungan Hormat yang bertempat di pejabat Ketua Pengarah KAGAT ini bertujuan untuk membina jalinan strategik di samping membincangkan mengenai perancangan kerjasama antara pihak KT dan KAGAT. Perbincangan antara kedua-dua pihak ini memfokuskan kepada program keagamaan serta inisiatif yang telah dirangka khusus untuk kebajikan para anggota KT dan warga ATM.

Semoga kerjasama yang dirancang ini dapat membantu KT untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada anggota di samping memberikan manfaat yang besar kepada semua pihak yang terlibat.

Turut hadir, YBhg Brig Jen Hj Mohd Hamzah bin Adam, Timbalan Ketua Pengarah Dasar dan Pengurusan KAGAT; YBhg Brig Jen Zainal Abidin bin Mohamed Salleh, Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan Pembangunan Insan KAGAT; YBr Puan Sharifah Sheikhun Syed Abu Bakar, Ketua Unit Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam; Pengurusan Kanan KAGAT serta kakitangan dari KT.



KT UMUM DIVIDEN 7% PADA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI TENTERA KE-57

18 Jun 2023 - Koperasi Tentera (KT) telah mengumumkan dividen 7% kepada 156,156 orang anggota melibatkan pembayaran berjumlah RM130.4 juta. Pengumuman itu dibuat oleh YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan bersempena Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Koperasi Tentera ke-57 di Dewan Perkasa, Wisma Perwira.

Antara tetamu kehormat yang hadir pada majlis berkenaan ialah YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera; YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Laut; YBhg Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain bin Jantan, Timbalan Panglima Tentera Darat mewakili Panglima Tentera Darat dan YBrs Puan Rosidah binti Ramli, Pengarah Penyeliaan dan Tadbir Urus Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Turut hadir, YBhg Brig Jen Roba'i Rahmat, Pengerusi KT; YBrs Encik Mohd Ghazali Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif KT; tetamu-tetamu kehormat serta anggota KT.

Bersempena Mesyuarat Agung Tahunan ke-57 ini juga, KT telah menyampaikan hadiah dan sijil penghargaan kepada Anggota Terlama, Skim Bantuan Sekolah Berasrama Penuh (SBSBP) kepada anak-anak anggota yang telah ditawarkan kemasukan ke sekolah berasrama penuh serta Skim Bantuan Bakti Perubatan (SBBU) berupa sebuah kerusi roda.



PELANTIKAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAHARU 2023/2024

18 Jun 2023 - Bagi sesi 2023/2024 sebanyak tiga kekosongan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang diperuntukkan pada Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Koperasi Tentera ke-57 yang telah diadakan pada 18 Jun 2023. Koperasi Tentera telah menerima sebanyak 18 permohonan sebagai calon ALK bagi mengisi tiga kekosongan tersebut dan semua calon telah melalui tapisan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebelum disahkan untuk bertanding.

Sesi pengundian pada MAT ke-57 telah berlangsung secara dalam talian bermula seawal 7.00 pagi sehingga 2.00 petang. Anggota boleh mengundi calon ALK dengan menggunakan pautan khas MAT yang telah disediakan.

Seramai tiga calon baharu yang memperolehi undian tertinggi telah dilantik bagi mengisi kekosongan ALK untuk tempoh 3 tahun berikutnya iaitu YBhg Brig Jen Mohd Zaini bin Hj.Hashim, YBrs PW I Mohd Azmi bin Mohamed Noor dan YBrs PW I Dewi Norsalijah binti Mohd Salim.

Selain itu, YBhg Brig Jen Zamzuri bin Harun, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras MAT ke-57 turut mengumumkan nama-nama calon yang dilantik menjadi wakil kepada setiap perkhidmatan. Tempoh memegang jawatan adalah untuk tempoh 1 tahun dan layak untuk dilantik semula iaitu:



YBhg Lt. Jen Dato' Mohd Sofi bin Md Lepi

Wakil Perkhidmatan Tentera Darat



YBhg Laksda Baharudin bin Wan Md Nor

Wakil Perkhidmatan Tentera Laut



YBhg Brig Jen Baharudin bin Hj. Abu Hassan TUDM

Wakil Perkhidmatan Tentera Udara



YBrs En Mohd Shahrizal bin Mohd Nor

Wakil Kakitangan Awam



YBhg Brig Jen Zamzuri bin Harun

Pengarah UGAT

Koperasi Tentera turut mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada YBhg Laksdya Dato' Pahlawan Hj Muhammad Ruzelme bin Hj Ahmad Fahimy, YBrs PW I Meor Mohd Faizul bin Abd Karim, YBrs PW II Zairul Efan bin Zainol Abidin dan YBrs Kpl Wan Asri bin Wan Ibrahim yang telah menabur bakti sepanjang perkhidmatan mereka sebagai ALK di Koperasi Tentera. Keputusan pemilihan dan pelantikan ALK baharu ini telah diluluskan di MAT ke-57 pada 18 Jun 2023.

SUMBANGAN ZAKAT KOPERASI TENTERA KEPADA TABUNG ZAKAT ATM

10 Februari 2023 - Koperasi Tentera (KT) telah mengadakan satu majlis penyerahan zakat kepada Tabung Zakat ATM yang berjumlah RM200,000.00 bertempat di Pejabat AKS PA. Majlis penyerahan cek ini telah disempurnakan oleh YBhg Brig Jen Roba'i Rahmat, Pengerusi KT diiringi oleh YBrS En Mohd Ghazali Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif KT, kepada YBhg Mej Jen Mohamed Fauzi Kamis, Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota dan YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Rashidi Bujai, Ketua Pengarah KAGAT.

Setiap tahun KT akan menjalankan tanggungjawab dengan menyerahkan sejumlah sumbangan zakat kepada Tabung Zakat ATM. Sumbangan ini merupakan salah satu tanggungjawab KT dalam menjaga kebajikan anggota dan diharapkan ianya dapat membantu serta memberikan manfaat kepada warga anggota yang memerlukan.



LAWATAN KUNJUNG HORMAT INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)

20 Jun 2023 - Koperasi Tentera (KT) telah menerima lawatan kunjung hormat daripada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang diketuai oleh YBhg Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa bertempat di Dewan Latihan, Wisma KT. Lawatan ini merupakan salah satu inisiatif untuk memperkukuh hubungan dan kerjasama di antara IKMa dan KT serta membincangkan mengenai program-program yang boleh dianjurkan bersama dalam memastikan pembangunan modal insan koperator, seterusnya memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia.

Turut hadir, YBrS En Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Modal Insan, YBrS Pn Hamidah binti Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan serta barisan pengurusan tertinggi IKMa. Majlis ini juga telah dihadiri oleh YBrS En Mohd Ghazali Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif KT dan YBrS En Mohamad Khairul Anuar Mohamed, Ketua Pegawai Operasi serta tim pengurusan KT.



MINGGU BERSAMA KOPERASI TENTERA

12-16 Jun 2023 - Koperasi Tentera (KT) telah menayakan program tahunannya, Minggu Bersama Koperasi Tentera (MBKT) bertempat di Foyer Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan.

Penganjuran MBKT ini adalah untuk memberikan kemudahan kepada anggota KEMANTAH yang tidak dapat berurusan di Ibu Pejabat atau cawangan KT kerana kekangan masa disebabkan tugas terutamanya bagi urusan pembiayaan dan insurans. Selain itu juga, program ini bertujuan untuk menggalakkan keanggotaan baharu serta mempromosikan pembiayaan, insurans dan Ar-RahnuKT kepada semua warga KEMANTAH.

Program Minggu Bersama Koperasi Tentera ini telah menerima kunjungan daripada lebih 600 orang anggota dan bukan anggota yang berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh KT. Istimewanya MBKT pada kali ini, KT turut memberikan minuman berjenama Haus Boom pelbagai perisa kepada semua pengunjung yang hadir. Inisiatif ini adalah untuk mempromosikan akaun media sosial rasmi KT iaitu Facebook bagi memastikan anggota menerima maklumat terkini mengenai KT di platform yang tepat.

MAJLIS SUMBANGAN HARI RAYA

13 April 2023 – Koperasi Tentera (KT) telah menyampaikan sumbangan sebanyak RM100,000 kepada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera dan RM200,000 kepada Tabung Zakat ATM pada Majlis Sumbangan Hari Raya Aildilfitri 2023 yang telah berlangsung di Auditorium Wisma Pertahanan.

Sumbangan kepada Tabung Zakat ATM tersebut telah disampaikan oleh YBhg Brig Jen Roba'i Rahmat, Pengerusi KT diiringi oleh YBrs En Mohd Ghazali Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif KT kepada YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, Menteri Pertahanan mewakili warga anggota ATM.

Turut hadir YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera dan isteri; YBhg Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan isteri serta Panglima-Panglima Perkhidmatan dan isteri.

KT berharap sumbangan ini sedikit sebanyak mampu meningkatkan moral dan semangat kepada anggota-anggota ATM yang bertugas demi mempertahankan kedaulatan dan kemakmuran negara pada Hari Raya Aidilfitri.



KOPERASI TENTERA AGIH BUBUR LAMBUK

Koperasi Tentera (KT) telah menganjurkan program Agihan Bubur Lambuk di bawah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk menyediakan bubur lambuk di sepanjang bulan Ramadan tahun ini. Program ini merupakan aktiviti gotong-royong sukarelawan KT bersama petugas masjid dalam menyediakan dan mengedarkan bubur lambuk kepada anggota dan orang awam.

Istimewanya kali ini, KT telah menaja program bubur lambuk ini di kawasan Kem Tentera di seluruh Malaysia antaranya ialah di Pangkalan TLDM Lumut, Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Kem Penrissen Kuching, Pangkalan Udara Subang, Kem Perdana Sungai Besi, Pangkalan Udara Labuan, Pangkalan Udara Gong Kedak, Kem Syed Sirajuddin Gemas dan Kem KEMANTAH. Secara keseluruhan, KT telah menyumbangkan sebanyak 34 kawah bubur lambuk sepanjang bulan Ramadan ini.

Diharapkan program seperti ini dapat dianjurkan lagi di masa akan datang dalam usaha untuk mempererat hubungan KT dengan warga ATM. Program ini juga merupakan inisiatif KT dalam membantu untuk menyumbang kepada kebajikan serta aktiviti sosial anggotanya.

PROGRAM BERBUKA PUASA DI STAY ATM

14 April 2023 – Buat julung kalinya, Koperasi Tentera (KT) telah menganjurkan Program Berbuka Puasa bersama pelajar tahfiz dan anak yatim di Sekolah Tahfiz dan Asrama Anak Yatim Angkatan Tentera Malaysia (STAY ATM), Kem Perdana Sungai Besi.

Pada majlis tersebut, YBhg Brig Jen Roba'i Rahmat, Pengerusi KT telah menyerahkan cek sumbangan sebanyak RM3,000 kepada YBrs Mej Azhan Ali, Pengetua STAY ATM diiringi oleh YBhg Mej Jen Dato' Mohd Rashidi bin Bujai, Ketua Pengarah KAGAT dan YBrs En Mohd Ghazali Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif. Diharapkan sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu warga STAY ATM untuk menganjurkan aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun.

Usaha ini merupakan salah satu inisiatif KT untuk memastikan kebajikan anggota dan anak-anak anggota sentiasa diutamakan. Turut hadir pada majlis ini ialah Anggota Lembaga Koperasi, barisan pengurusan KT dan STAY ATM serta tim sukarelawan KT.





PROGRAM TABUNG IHYA RAMADAN

17 Mac 2023 - Koperasi Tentera telah menghadiri Majlis Pelancaran Tabung Ihya' Ramadan yang disempurnakan oleh YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera, bertempat di Masjid Khalid Al-Walid, KEMENTAH.

Majlis tersebut menyaksikan penyerahan sumbangan Sinar Kasih Ramadan Koperasi Tentera sebanyak RM70,000 oleh YBrs En Mohd Ghazali Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif KT kepada YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera; diiringi oleh YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Rashidi bin Bujai, Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) sempena menyambut bulan Ramadan 2023.

Sumbangan itu akan diagihkan kepada ATM menerusi KAGAT bagi semua program yang bakal dirancang sepanjang bulan Ramadan 2023. Diharapkan sumbangan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bersama warga ATM sepanjang bulan Ramadan tahun ini.



KOPERASI TENTERA (KT) MENYANTUNI WARGA 92 PUSAT TAHANAN ANGKATAN TENTERA (92 PTAT)



20 Mac 2023 - Koperasi Tentera (KT) telah memberikan sumbangan sebanyak RM11,000 kepada warga 92 Pusat Tahanan Angkatan Tentera (92 PTAT) dibawah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) melalui Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT).

Cek sumbangan tersebut telah diserahkan oleh YBhg Kol Ts Hamidi bin Achin, Naib Pengerusi KT diringi YBrs En Mohd Ghazali Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif kepada YBrs Lt Kol Zanariyah binti Zahari, Komandan 92 PTAT sambil disaksikan oleh YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Rashidi bin Bujai, Pengarah KAGAT.



Selain itu, YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Rashidi bin Bujai juga turut memberikan nasihat kepada anggota tahanan 92 PTAT. Diharapkan dengan sumbangan ini dapat membantu warga 92 PTAT melaksanakan aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2023.



MAJLIS PENYERAHAN CEK SUMBANGAN BANJIR

31 Mac 2023 – Koperasi Tentera (KT) telah mengadakan Majlis Penyerahan Cek Sumbangan Banjir kepada mangsa banjir bertempat di Cawangan Kuantan. Sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh YBrs En Mohd Ghazali Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif KT, diiringi oleh YBrs Lt Kol Mohd Sharel Ya Rahim (Bersara) selaku Ketua Unit Keanggotaan KT kepada seramai 23 orang penerima sumbangan.

Sumbangan ini merupakan salah satu inisiatif KT dalam menjaga kebajikan warga anggota yang memerlukan, di samping melaksanakan tanggungjawab sosial organisasi terhadap anggotanya. Pada tahun 2023, KT telah memperuntukkan sejumlah RM600,000 bagi tujuan sumbangan kepada anggota yang terlibat dalam situasi bencana ini.

Diharapkan bantuan yang disampaikan ini dapat meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh anggota seterusnya memupuk kesetiaan anggota untuk terus setia bersama KT.



MAJLIS PENYERAHAN CEK SUMBANGAN MESIN DIALISIS

21 Jun 2023 – Koperasi Tentera (KT) telah mengadakan Majlis Penyerahan Cek Sumbangan Mesin Dialisis daripada Etiqa General Takaful Berhad kepada Yayasan Veteran ATM bertempat di Wisma Koperasi Tentera.

Cek sumbangan berjumlah RM78,000 tersebut telah disampaikan oleh YBrs En Mohd Rashidin Razali, Eksekutif Naib Presiden Etiqa General Takaful Berhad; diiringi oleh YBrs En Mohd Ghazali Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif KT kepada YBrs Lt Kol Azwadi Jamian (Bersara) selaku Ketua Pegawai Operasi Yayasan Veteran ATM.

Semoga sumbangan ini dapat membantu para pesakit buah pinggang terutamanya veteran-veteran ATM yang telah berkhidmat untuk negara.

Untuk makluman, dua buah mesin berjenama Fresenius akan menggantikan mesin yang telah berusia 18 tahun dan akan ditempatkan di Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM Cawangan Seri Kembangan dan Bukit Sentosa.



KUNJUNG HORMAT TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN

16 Jun 2023 – YBhg Brig Jen Roba'i Rahmat, Pengerusi KT dan YBrs En Mohd Ghazali Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif KT telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Tuan Haji Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan, bertempat di Kementerian Pertahanan. Kunjungan hormat ini dilaksanakan untuk menyampaikan maklumat terkini mengenai pengoperasian KT kepada kepimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan.

Selain itu, YBhg Brig Jen Roba'i, Pengerusi KT juga turut memberikan gambaran mengenai Mesyuarat Agung Tahunan KT ke-57 yang akan dirasmikan oleh YB Tuan Haji Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan pada 18 Jun 2023 di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM.



TAKLIMAT BERSAMA PANGLIMA ANGKATAN TENTERA

15 Jun 2023 – YBhg Brig Jen Roba'i Rahmat, Pengerusi KT dan YBrs En Mohd Ghazali Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif KT telah mengadakan satu sesi taklimat mengenai hala tuju cabaran semasa KT bersama Panglima Perkhidmatan. Taklimat tersebut telah dihadiri oleh YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera merangkap yang Dipertua KT; YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Laut merangkap Naib Yang Dipertua KT; serta YBhg Lt Jen Dato' Mohd Sofi b Md Lepi, Panglima Medan Timur mewakili Panglima Tentera Darat.

Sesi taklimat yang bertempat di Bilik Mesyuarat Panglima Angkatan Tentera ini bertujuan untuk membincangkan mengenai hala tuju KT, serta pandangan dan amanat kepimpinan tertinggi ATM bagi memacu kecemerlangan KT di masa hadapan.

KUNJUNG HORMAT PANGLIMA TENTERA LAUT

14 Jun 2023 – YBhg Brig Jen Roba'i Rahmat, Pengerusi KT dan YBrs En Mohd Ghazali Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif KT telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Laut merangkap Naib Yang Dipertua KT.

Kunjungan hormat yang bertempat di pejabat Panglima Tentera Laut ini bertujuan untuk mengeratkan lagi jalinan strategik di samping membincangkan mengenai hala tuju KT melibatkan warga anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di masa hadapan.



BENGGEL PENILAIAN KECEDERAAN STBATM 2023



12 Jun 2023 - Bengkel Penilaian Kecederaan STBATM Tahun 2023 telah pun berlangsung pada 12 - 16 Jun 2023 bertempat di Hotel Ideas, Kuala Lumpur. Bengkel ini telah dilaksanakan dengan jayanya oleh ketiga-tiga pihak iaitu Koperasi Tentera sebagai pengurus Skim Takaful Berkelompok Angkatan Tentera Malaysia (STBATM), Great Eastern Takaful Berhad sebagai penanggung skim dan penaja bengkel ini serta kerjasama daripada pihak Markas Angkatan Tentera Malaysia Bahagian Perkhidmatan Kesihatan (MATM-BPK). Seramai 24 orang pegawai Perubatan daripada pelbagai unit/pasukan dan 2 orang wakil Great Eastern Takaful Berhad telah menyertai bengkel ini manakala penceramah pula adalah seramai 10 orang yang terdiri daripada Pakar Perubatan ATM.

Untuk makluman, Bengkel Penilaian Kecederaan STBATM ini adalah acara tahunan bagi KT, GETB dan MATM-BPK. Pihak MATM-BPK akan memilih mana-mana Pegawai Perubatan ATM yang masih belum menghadiri bengkel ini supaya maklumat terkini berkenaan STBATM dapat disalurkan kepada semua Pegawai Perubatan ATM yang terlibat terutamanya tentang tatacara dan prosedur membuat penilaian ke atas kecederaan anggota-anggota ATM dalam membuat tuntutan Hilang Upaya dengan menggunakan garis panduan American Medical Association (AMA), 'Guides of the Evaluation of Permanent Impairment' 5th Edition.

Dengan adanya bengkel seperti ini, ianya dapat memastikan semua Pegawai Perubatan yang terlibat memberikan peratusan penilaian kecederaan anggota dengan lebih adil, setara dengan tahap kecederaan yang dialami oleh anggota dan tiada sebarang percanggahan dengan garis panduan yang digunakan.

Majlis dirasmikan oleh Mej Jen Dato' (Dr) Rosman bin Ab Rahman, Pengarah Perubatan MATM-BPK dengan disaksikan oleh En Zulfikar Hashman Jamalkhir, Ketua Perbankan Pelanggan Koperasi Tentera, Puan Roselinda Abdul Latiff, Pengurus Kanan Insurans Koperasi Tentera, Puan Lily Rasyima Abd Razak, Penolong Naib Presiden, Grup Afniti Great Eastern Takaful Berhad dan beberapa orang sekretariat daripada Koperasi Tentera, Great Eastern Takaful Berhad dan Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM. Pelbagai mesej dan peringatan telah disampaikan kepada semua Pegawai Perubatan yang terlibat agar melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan dengan baik dan lancar.

Ketiga-tiga pihak ini juga telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu-isu berbangkit seperti kelewatan pengeluaran Laporan Penilaian Kecederaan daripada Doktor ATM, masalah yang dihadapi ketika memproses tuntutan anggota dan juga hala tuju kerjasama semua pihak bagi melancarkan proses tuntutan hilang upaya dan kematian peserta STBATM pada masa akan datang. Seorang peserta telah dinobatkan sebagai Peserta Terbaik iaitu Kapt (Dr) Nurin Faqihah binti Aliman daripada 2 RAMD.



Taklimat & Ceramah KT

Eratkan Hubungan Bersama Anggota



6 Jan 2023 - Cawangan Tebrau telah menerima undangan daripada Markas PALAPES Universiti Teknologi Malaysia Johor untuk menyampaikan ceramah berkaitan produk STBATM dan juga kaunter khidmat pelanggan kepada 56 Pegawai Kadet Palapes, 30 anggota tetap serta 2 orang pegawai.



6-7 Feb 2023 - Buat kali pertama dalam tahun 2023, unit Insuran dengan kerjasama daripada Cawangan Tebrau, Kluang dan Mersing telah mengadakan taklimat Insurans (STBATM) secara terperinci kepada anggota tetap dan Rekrut Askar Timbalan Setia Negeri Johor dikenali sebagai Johor Military Force bertempat di Kem Sultan Ibrahim, Johor Bharu. Taklimat disampaikan oleh En Daud bin Hussin.



8 Jan 2023 - Koperasi Tentera (KT) telah menyampaikan taklimat mengenai keistimewaan dan faedah-faedah menjadi ahli KT, produk-produk yang ditawarkan untuk anggota dan orang awam serta perkhidmatan terkini yang disediakan kepada 118 orang Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Udara) UiTM. Taklimat ini telah diadakan di Markas PALAPES UiTM Shah Alam



19 Jan 2023 - Cawangan Labuan dan Kota Kinabalu telah membuka Kaunter Khidmat Pelanggan Berkala di Pangkalan TLDM Teluk Sepanggar Kota Kinabalu yang menawarkan perkhidmatan semakan baki akaun anggota, penambahan caruman, penukaran wasi, penukaran alamat dan pelbagai pertanyaan serta urusan. Kaunter ini dibuka secara berkala 2 kali sebulan bagi memudahkan anggota KT berurusan dengan Koperasi Tentera.



12 Feb 2023 - Koperasi Tentera Cawangan Port Dickson telah memberikan taklimat berkaitan produk KT dan kaunter khidmat pelanggan bertempat di pasukan Rej 508 AW. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Ab Rashid bin Kasan, Eksekutif Kanan Wilayah Selatan 1 dan dibantu oleh En Mohd Aiman Naim bin Hapizan, staf Cawangan Port Dickson. Seramai 100 orang Pegawai dan Anggota Sukarela telah hadir sepanjang sesi taklimat tersebut.



13 Mac 2023 - Koperasi Tentera Cawangan Ipoh telah mengadakan taklimat di Akademi Tentera Udara Diraja, Ipoh kepada Perajurit Muda siri 66/2023. Seramai 4 orang jurulatih dan 400 orang perajurit muda terlibat sepanjang sesi taklimat ini. Taklimat ini bertujuan bagi menerangkan produk dan manfaat yang boleh anggota perolehi sepanjang menjadi anggota Koperasi Tentera.



31 Mei 2023 - Koperasi Tentera Cawangan Port Dickson telah mengadakan taklimat berkenaan produk KT dan kaunter khidmat pelanggan di Wisma Perwira PU Sendayan. Taklimat ini telah disampaikan oleh En Ab Rashid bin Kasan, Eksekutif Kanan Wilayah Selatan 1 kepada 150 orang pegawai. Tujuan utama taklimat adalah bagi memberikan maklumat dan penerangan kepada peserta berkaitan manfaat serta kelebihan menjadi ahli Koperasi Tentera.



9 Mac 2023 - Koperasi Tentera Cawangan Kota Bharu telah memberikan taklimat kepada peserta Kursus Repalman Kelas 2 anggota kerahan di Batalion 2 Rejimen 512 AW, Kem Sri Tembila, Besut Terengganu. Seramai 60 anggota hadir pada sesi tersebut. Semua peserta terdiri dari anggota yang baru sahaja diserap perkhidmatan kepada kerahan sepenuh masa.



16 Mei 2023 - Koperasi Tentera Cawangan Taiping telah mengadakan sesi taklimat dan pembukaan kaunter offline di 72 Batalion Kor Perkhidmatan Diraja, Kem Sabroan, Taiping. Seramai 4 pegawai dan 40 penuntut terlibat dalam sesi ini. Sesi ini adalah bagi memberikan penerangan berkenaan info terkini berkenaan Koperasi Tentera.



3 Jun 2023 - Koperasi Tentera Cawangan Kluang telah hadir ke KD Sultan Ismail Pusat Latihan Perajurit Muda TLDM, Tg Pengelih Johor untuk menyampaikan taklimat berkaitan Skim Takaful Berkelompok ATM (STBATM), Keanggotaan KT dan pembukaan kaunter promosi KT kepada Perajurit Muda. Taklimat dan kaunter khidmat pelanggan ini juga adakan bagi tujuan penerangan berkenaan faedah menjadi ahli Koperasi Tentera. Seramai 6 jurulatih dan 567 perajurit muda yang telah melapor terlibat dalam sesi ini. Taklimat ini dilaksanakan bagi sesi pengisian borang keanggotaan dan Insurans STBATM.

Pampasan Kematian STBATM

Skim Takaful Berkelompok Angkatan Tentera Malaysia (STBATM) diperkenalkan sejak tahun 1987 dan merupakan satu skim perlindungan yang direka khas untuk semua Anggota ATM, kakitangan awam yang berkhidmat di Kementerian Pertahanan Malaysia, serta pasangan mereka dan agensi-agensi yang mendapat

Pulau Pinang, 09 Mac 2023 – Koperasi Tentera telah mengadakan Majlis Penyerahan Cek Pampasan Tuntutan Kematian anggota TUDM, Allahyarham 728048 Sjn U Mohd Hafiq Bin Yusof.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Brig Jen Khairol Muzambi Bin Salehin TUDM bertempat di Pejabat Komander Pangkalan Udara Butterworth, Pulau Pinang. Turut serta ialah wakil dari Koperasi Tentera iaitu Puan Nor Azmah Binti Ishak (Eksekutif Kanan Pembangunan Perniagaan Wilayah Utara 1) dan Puan Siti Nur Fazilah Binti Abd Razak (Eksekutif Cawangan Butterworth).



Taiping, 16 Jan 2023 - Eksekutif Cawangan Taiping iaitu Puan Norasmaliza Binti Mohd Daud telah menyampaikan cek kepada waris Allahyarham Mej Mohd Fazreen Bin Abdul Latif (3011840) iaitu Puan Siti Aishah Binti Mazelan sambil disaksikan oleh Lt Kol Norhizuan Bin Hasan selaku Pegawai Memerintah 72 Batalion Kor Perkhidmatan Diraja, Kem Sabron Taiping.

Kota Kinabalu, 16 Jun 2023 - Koperasi Tentera telah menyerahkan Cek Pampasan Tuntutan Kematian Allahyarham 832720 P/BK TMK Norasnizam Bin Mohd Alui bertempat di Pangkalan TLDM Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah. Cek tersebut telah disampaikan oleh Eksekutif Kanan Pembangunan Perniagaan Wilayah Malaysia Timur 1 iaitu Puan Dg Nooramas Binti Ismail kepada Pegawai Memerintah KD Selangor, Kepten Ahmad Rashidi Bin Othman.



PERINGATAN!

JOM KEMASKINI MAKLUMAT WARIS STBATM!

- ✓ Jika anda meletakkan 1 nama - Penama tersebut adalah sebagai Pemegang Amanah dan perlu Faraid.
- ✓ Jika anda meletakkan 2 nama atau lebih - Hibah (Hadiah) dan tidak perlu Faraid.

Apakah kesan sekiranya anda tidak mengemaskini maklumat waris?

- 1) Sekiranya telah berkahwin tetapi tidak meletakkan nama isteri dan anak-anak, akan berlaku pertikaian dalam kalangan keluarga setelah berlaku kematian.
- 2) Jika pembayaran pampasan tidak ditunaikan, bayaran tersebut akan dimasukkan ke dalam akaun WANG TIDAK DITUNTUT dan mengambil masa untuk menyelesaikannya.

Nota: Sebarang Pembayaran pampasan takaful bagi kes kematian adalah mengikut arahan penamaan di dalam borang penyertaan yang sah seperti yang dikehendaki oleh Jadual 10, Akta Kewangan dan Perkhidmatan Islam 2013 (IFSA 2013).

OK

CANCEL

Penambahbaikan Produk



STBATM & MedickT



PEMBIAYAAN EKSPRES

Maksimum

RM 20,000

Pembiayaan sehingga

120

 bulan

Kadar Keuntungan

4.50%

Mohon Sekarang

Kunjungi cawangan Koperasi Tentera berdekatan anda

Tertakluk kepada terma & syarat




Ar-RahnuKT
PERKHIDMATAN PAJAK GADAI

MUDAH

CEPAT

SELAMAT

Gadai Dengan Selesa Cuci Dengan Percuma



Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi :



03-2303 0000

KUNJUNGI CAWANGAN KAMI DI :

WANGSA MAJU
03-4142 0613

SUNGAI BESI
03-9054 5900

SUBANG PERDANA
03-7840 0296

PORT DICKSON
06-646 2670

KLUANG
07-771 1861

SUNGAI UDANG
06-357 4870

SUNGAI PETANI
04-426 0001

TAWAU
08-970 6603

KOTA BHARU
09-973 0259